

05/12/2000

Kesedaran bahaya Aids masih dingin

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SETIAP tahun Hari Aids Sedunia disambut dan setiap tahun juga, dunia menyaksikan pertumbuhan yang `rancak' dalam peningkatan jumlah mereka yang hidup dengan HIV/Aids.

Menurut statistik yang dikeluarkan UNAIDS, jumlah mereka yang hidup dengan HIV/Aids dianggarkan meningkat kepada 6.5 juta orang hingga akhir tahun lalu.

Di Malaysia saja, anggaran jumlah yang dikumpul Kementerian Kesihatan hingga 1999 adalah seramai 34,000 orang.

Namun, adalah sesuatu yang mengecewakan apabila sambutan hari sedemikian tidak membawa sebarang makna kepada ramai individu. Malaysia, tidak kira dari pemimpin atasan atau rakyat biasa, seolah-olah masih lagi menafikan serangan virus berbahaya ini.

Hanya segelintir individu yang dilihat bertungkus-lumus memerangi HIV/Aids. Yang lain masih lena dibuai mimpi. Masih ramai yang beranggapan `ini tidak akan berlaku kepada saya atau keluarga saya kerana kami bukan golongan yang berisiko'.

Namun, sedarkah kita bahawa virus pembunuh itu tidak mengenal sesiapa? Tidak kira sama ada anda muda atau tua, kaya atau miskin, berkuasa atau tidak, semua manusia terdedah kepada serangan HIV yang dianggap lebih berbahaya daripada sesuatu peperangan.

Bak kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, pada satu dialog baru-baru ini: "Semua orang menghadapi risikonya. Epidemik ini bukan hanya berkisar kepada isu kesihatan semata-mata tetapi membabitkan semua aspek kehidupan, terutama ekonomi, sosial dan agama."

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia masih mempunyai pandangan bahawa isu ini adalah isu kesihatan dan hanya Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab menanganinya.

"Sedangkan HIV memerlukan kerjasama semua pihak, iaitu pendekatan secara `multi-sectoral'. Sekiranya kerjasama ini tidak dapat dilakukan, statistik yang menunjukkan bilangan mereka yang positif HIV akan lebih meningkat dalam jangka masa terdekat ini," katanya.

Negara sedang membangun atau negara Asean seperti Malaysia, adalah negara yang paling cepat tersebarnya HIV selepas benua Afrika.

Banyak faktor yang mempengaruhi perkara ini, antaranya kesukaran mendapat rawatan ubat Anti-Retroviral (satu-satunya rawatan yang dapat mengurangkan kandungan virus HIV dalam darah). Di Malaysia, rawatan gabungan yang berharga antara RM2,000 hingga RM2,500 itu, hanya digunakan oleh satu peratus jumlah keseluruhan mereka yang positif HIV.

Perkara ini mungkin berlaku kerana masih ramai yang tidak mampu untuk meneruskan atau menjalani rawatan berkenaan. Pada masa yang sama, ramai juga yang masih gentar untuk mendapat rawatan kerana bimbang terhadap stigma dan diskriminasi yang akan berlaku kepada diri dan keluarga mereka.

Selain itu, kebanyakan masyarakat masih lagi dalam keadaan penafian. Penafian di sini bukan saja tertumpu kepada isu HIV tetapi lebih kepada tingkah laku berisiko, terutama seks rambang dan penagihan dadah.

Baik golongan penggubal dasar atau ulama, mungkin tidak keterlaluan dikatakan ada di kalangan mereka yang masih tidak mahu mengaku bahawa manusia akan melakukan perkara yang berisiko seumpama itu walaupun mereka tahu akan natijah di sebaliknya.

Namun, apakah penafian ini akan membendung HIV daripada merebak? Apakah dengan merasakan sebagai sebuah negara Islam, perkara yang berkaitan

dengan seks atau penggunaan kondom tidak boleh dijadikan topik perbincangan, terutama generasi muda?

Malaysia sepatutnya mengambil contoh apa yang telah dilakukan oleh negara lain dalam memerangi HIV/Aids. Di Thailand, misalnya, usaha memerangi virus itu mendapat sokongan padu semua pihak, terutama pemimpinnya. Malah, Perdana Menteri adalah pengerusi kepada Kumpulan Aids Kebangsaan sejak 1991.

Begitu juga dengan kumpulan ulama di Uganda yang menjalankan projek sendiri. Projek yang diusahakan Persatuan Perubatan Islam Uganda (Imau) itu mendapat pembabitan lebih 8,000 pemimpin agama yang sanggup turun padang menemui setiap lapisan masyarakat, tidak kira pekerja seks atau penagih dadah, dalam mendidik mengenai Aids kepada seluruh rakyatnya.

Projek beginilah yang perlu diusahakan oleh pemimpin dan ulama di negara kita. Janganlah hanya mengharap badan bukan kerajaan atau Kementerian Kesihatan semata-mata untuk membawa satu perubahan dan janganlah juga kita hanya mampu mengkritik tanpa menyumbang sebarang usaha dalam memerangi wabak itu.

Sempena sambutan Hari Aids Sedunia pada 1 Disember lalu, tema yang dipilih UNAIDS dan anggota gabungan di seluruh dunia ialah 'Lelaki Membawa Perubahan'.

Mungkin ramai lelaki yang akan melenting apabila dikatakan sebagai golongan yang paling terdedah atau mudah dimusnahkan, tetapi dalam konteks HIV/Aids, lelaki sebenarnya lebih berpotensi untuk berkecimpung dalam tingkah laku berisiko, termasuk menjalin hubungan seks rambang, menagih dadah, dan menagih arak.

Tambahan, kajian klinikal membuktikan virus HIV lebih mudah tersebar secara seksual daripada lelaki kepada wanita, berbanding sebaliknya. Pada masa yang sama, tingkah laku berisiko yang diambil lelaki akan turut membawa padah kepada wanita.

Justeru, inilah sebabnya mengapa lelaki perlu berusaha memerangi HIV/Aids. Sama ada sebagai pemimpin kerajaan, pemimpin dalam organisasi, pemimpin dalam keluarga, dan yang paling penting sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab, mereka perlu memainkan peranan.

Masyarakat juga perlu sedar bahawa sudah tiba masanya untuk melihat lelaki bukan sebagai punca masalah tetapi sebagai salah satu daripada jalan penyelesaian.

Ini kerana membabitkan lelaki dalam usaha memerangi HIV/Aids adalah sangat penting, terutama dalam membuka ruang bagi mana-mana maklum balas yang seimbang, baik dari peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa wanita boleh bergoyang kaki dan hanya melihat golongan bapa memainkan peranan. Pendidikan mengenai HIV/Aids, terutama langkah pencegahannya, perlu diambil perhatian oleh wanita.

Apa pun maksud tema yang cuba disemat dalam sanubari rakyat, yang pasti virus HIV akan terus menyerang seluruh dunia dan akan menjejaskan segala bentuk kehidupan sekiranya kita tidak bersama-sama mengambil langkah drastik menangkisnya.

(END)